



**SEMUA PELAJAR SEMESTER 2,3,4,5 & 6**

Tuan,

**TARIKH MELAPOR DIRI DAN PENDAFTARAN ASRAMA PELAJAR SENIOR POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN SESI DISEMBER 2013**

Saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa tarikh mendaftar di asrama dan melapor diri pelajar lama Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin bagi Sesi Disember 2013 ialah seperti berikut:

TARIKH	<u>PELAJAR LAMA (BUKAN LEPASAN LI)</u> Sem. 2,3,4 ,5(DIP) & 6 - Program Diploma	TARIKH	<u>PELAJAR LEPASAN LATIHAN INDUSTRI (LI)</u> Sem. 4 Program Sijil & Sem.5 Program Diploma
		06/11/2013 (Rabu)	<u>PENDAFTARAN ASRAMA</u>  Blok / Kafetria Asrama (8.00 pagi – 5 ptg) Yuran Kamsis : Percuma *Dibenarkan Tinggal di Asrama sehingga 15/11/2013
		06/11/2013 (Rabu)	<u>SEMAKAN LAPORAN LATIHAN INDUSTRI</u>  Jabatan Pelajar Masing-Masing (8.00 pagi – 12.00 tgh)
28/11/2013 (Khamis)	<u>PENDAFTARAN ASRAMA</u>  Blok / Kafetria Asrama (8.00 – 11.00 pagi)	28/11/2013 (Khamis)	<u>PENDAFTARAN ASRAMA</u>  Blok / Kafetria Asrama (8.00 – 11.00 pagi)
29/11/2013 (Jumaat)	<u>LAPOR DIRI PELAJAR</u>  Masa : 8.30 hingga 11.00 pagi Tempat : Jabatan Akademik  <u>PENDAFTARAN MODUL</u>  Selepas lapor diri secara on-line, pelajar juga dikehendaki mendaftar modul secara on line dan membawa slip daftar modul ke jabatan masing-masing berjumpa PA untuk pengesahan.	29/11/2013 (Jumaat)	<u>LAPOR DIRI PELAJAR</u>  Masa : 8.30 hingga 11.00 pagi Tempat : Jabatan Akademik  <u>PENDAFTARAN MODUL</u>  Selepas lapor diri secara on-line, pelajar juga dikehendaki mendaftar modul secara on line dan membawa slip daftar modul ke jabatan masing-masing berjumpa PA untuk pengesahan
Pakaian Semasa Lapor Diri	<u>Pakaian Formal</u> Lelaki – Baju kemeja, bertali leher, berseluar slack dan berkasut kulit. Perempuan – Baju kurung atau blouse labuh, bertudung (muslim) dan berkasut kulit.		

**MAKLUMAN:**

- Bermula sesi Disember 2013, Segala pembayaran yuran hanya boleh dilakukan melalui internet banking, cash deposit atau ATM transfer sahaja. Pembayaran dikaunter bank tidak lagi dibenarkan.
- Sila rujuk <http://www.ptss.edu.my> untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan:
  - Panduan Pendaftaran secara On-line
  - Jumlah Yuran Pengajian, Bayaran Pelbagai Jabatan
  - Panduan dan kaedah membuat bayaran di **BIMB**
  - Status dan pengesahan permohonan asrama / kamsis.
- Pelajar yang tidak ditawarkan penginapan Asrama dinasihatkan untuk menguruskan sendiri penginapan rumah sewa mereka lebih awal. Pihak politeknik TIDAK MENYEDIAKAN rumah sewa di luar kampus dan TIADA RAYUAN ASRAMA pada hari pendaftaran.**

Semoga semua pelajar selamat melapor diri semula pada Pengajian Sesi Disember 2013, Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

.....  
**(MOHD RUSLAN BIN SALIKIN)**  
 Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar  
 b.p Pengarah,  
 Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

## **A PERBANKAN INTERNET**

1. Layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)
2. Klik logo "Internet Banking Login" dan tekan butang "ok" pada "Security Alerts"
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
4. Pilih "Bill Presentment" pada bahagian "Bill Payment".
5. Pilih POLITEKNIK KPT pada bahagian senarai Universiti.
6. Masukkan No Kad Pengenalan pada ruang Kad Pengenalan dan klik "next"
7. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang hendak di bayar dan klik "pay"
8. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account" yang hendak di debitkan and sahkan jumlah amaun yang hendak di bayar dan klik "pay"
9. Skrin berikutnya akan menyenaraikan maklumat bayaran yang perlu disahkan..
10. Klik "Confirm" untuk menuruskan pembayaran atau sebaliknya.
11. Skrin berikut akan menunjukkan makluman bayaran yang telah dilakukan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membuat salinan makluman bayaran yang dilakukan sebagai rujukan.

## **B MESIN ATM BANK ISLAM**

1. Pilih menu LAIN-LAIN
2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT
3. Pilih menu YURAN IPT
4. Pilih Akaun Pembayar ( akaun yang akan didebit )
5. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan ambil Resit

## **C MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM**

1. Pilih menu YURAN IPT
2. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
3. Pilih POLITEKNIK KPT
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan ambil Resit